

16/10/1999

Penerbangan KL-Seoul ditambah

Hizral Tazzif Hisham

SERDANG, Jumaat - Peningkatan penumpang bagi sektor Kuala Lumpur-Seoul mendorong kedua-dua negara mengadakan penerbangan terus lima kali seminggu mulai November ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, penerbangan terus itu membabitkan tiga kali seminggu dari Kuala Lumpur ke Seoul dan dua kali dari Seoul ke Kuala Lumpur secara terus tanpa perlu melalui Singapura atau Thailand seperti sekarang.

"Penerbangan Malaysia (MAS) dan Penerbangan Korea (KAL) akan menjalinkan kerjasama bagi memasarkan tempat duduk kepada penumpang di kedua-dua negara," katanya dalam sidang akhbar di Seri Kembangan, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menemui Presiden Hanjin Shipping, Cho Soo Ho.

Sebelum itu, Cho melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan kerjasama antara Penerbangan Korea dan MAS.

Sehubungan itu, MAS dan KAL akan menandatangani perjanjian persefahaman kerjasama dan perjanjian penerbangan antara kedua-dua syarikat terbabit, Selasa ini.

"Berdasarkan perjanjian itu MAS dan KAL akan menambahkan bilangan penerbangan terus jika terdapat peningkatan jumlah penumpang," katanya.

Mengenai isu rayuan 17 perkara, Ling berkata, rayuan tanpa syarat yang disampaikan pertubuhan dan penduduk China di negara ini sudah selesai.

Katanya, kontroversi berhubung tuntutan itu sudah berakhir apabila perkara berkenaan akan dibincangkan di peringkat Majlis Perundingan Ekonomi II (Mapen II).

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai saranan gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya kerajaan mengkaji 17 perkara berkenaan terutamanya membabitkan hak Bumiputera.

"Perkara yang dikemukakan dalam rayuan tanpa syarat itu lebih bersifat sejagat seperti meningkatkan perpaduan nasional, menegakkan hak kemanusiaan dan keadilan, mengkaji semula beberapa penswastaan kerajaan, badan bebas bagi menangani rasuah, permodenan kampung baru dan melindungi hak wanita," katanya di Seri Kembangan, hari ini.

Ling berkata, GPMS perlu membaca dengan teliti 17 perkara berkenaan kerana apa yang dipohon daripada kerajaan adalah perkara yang dipersetujui semua kaum di negara ini.

Menurutnya, 17 prinsip rayuan tanpa syarat itu tidak akan ditarik balik ketika ini kerana ia akan dibincangkan dengan terperinci dalam Mapen II.

Sebelum ini, rayuan yang dikemukakan persatuan Cina itu menimbulkan kontroversi kerana ia dikatakan lebih bersifat ugutan dan ancaman.

Kabinet baru-baru ini, menerima rayuan petisyen pertubuhan masyarakat Cina bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, kerana ia tidak mengenakan sebarang syarat.

(END)